



COMMUNITY UNDERSTANDING OF THE HYGIENE OF DIRTY CLOTHES USING WASHING MACHINE WASH: A PRELIMINARY ANALYSIS

KEFAHAMAN MASYARAKAT TERHADAP KEBERSIHAN PAKAIAN BERNAJIS DENGAN BASUHAN MESIN BASUH: SATU ANALISIS AWAL

Mohd Hapiz Mahaiyadin¹, Roshaimizam Suhaimi² & Hisyam Mohd Radzi³

¹ Pensyarah Kanan, Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA (UiTM), Shah Alam; AJK Akademi Fiqh Islami Malaysia (AFHAM). mohdhapiz659@uitm.edu.my

² Pensyarah Kanan, Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA (UiTM), Cawangan Pulau Pinang. roshaimizam@uitm.edu.my

³ Pensyarah Kanan, Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA (UiTM), Cawangan Pulau Pinang. hisyamr@uitm.edu.my

Abstract

Muslims are responsible for ensuring personal hygiene from various types of impurities (najs) whether hissi, 'aini, maknawi and hukmi until the effects of impurities such as smell, taste and color are disappeared. Today, the use of washing machines and laundry is a facility in washing clothes, including those exposed to dirt and feces. Although, water is used in the washing, but the technique of washing with a small quantity of water has caused a dispute among Muslim scholars regarded to the hygienic status of soiled clothes and clothes mixed with it. The dispute is due to their respective understandings of the practice of taharah explained in the books of fiqh. Some scholars ruled that the clothes were clean, while others said otherwise. This issue is a common issue happens to Muslims, including in Malaysia that invites many comments either in the form of fatwas and personal legal views. Thus, a preliminary survey was conducted involving a total of 362 respondents that were randomly selected. This survey conducted to obtain an understanding of the Muslim community on the status of cleaning soiled clothes using a washing machine. The results showed that almost all respondents know the basic hukm related to taharah. However, the percentage of respondents that more understood the hukm of taharah showed a moderate percentage. The study also indicated that the Muslim community still needs a clear guideline in the hygiene of clothes washed using a washing machine and laundry machine to dispel their doubts on the issues.

Keywords: Hygiene, Washing, Machine, Laundry, Najs.

Abstrak

Umat Islam bertanggungjawab memastikan kebersihan diri daripada pelbagai jenis najis sama ada hissi, 'aini, maknawi dan hukmi sehingga kesan najis seperti bau, rasa dan warna telah diyakini hilang. Dewasa ini, penggunaan mesin basuh dan dobi merupakan satu bentuk kemudahan dalam membasuh pakaian termasuk yang terkena kotoran dan najis. Meskipun, basuhan tersebut menggunakan air, namun teknik basuhan dengan kuantiti air yang sedikit menyebabkan berlaku pertikaian dalam kalangan sarjana hukum Islam mengenai status kebersihan pakaian bernajis dan pakaian yang bercampur dengannya. Pertikaian tersebut disebabkan kefahaman masing-masing terhadap amalan taharah yang dijelaskan dalam kitab-kitab fiqh. Sebahagian sarjana menghukumkan pakaian tersebut adalah bersih, manakala sebahagian yang lain menyatakan sebaliknya. Permasalahan yang dihadapi merupakan isu sejagat yang berlaku kepada umat Islam termasuklah di Malaysia sehingga mengundang banyak komentar sama ada dalam bentuk fatwa dan pandangan hukum peribadi. Justeru, satu kaji selidik awalan telah dijalankan dengan melibatkan seramai 362 responden yang dipilih secara rawak untuk mendapatkan kefahaman masyarakat mengenai hukum pembersihan pakaian bernajis menggunakan mesin basuh. Hasil kajian menunjukkan bahawa hampir keseluruhan responden mengetahui hukum asas berkaitan taharah. Namun, peratus responden yang memahami hukum taharah secara lebih mendalam dan terperinci menunjukkan kadar peratusan yang sederhana. Kajian juga menunjukkan masyarakat masih memerlukan satu garis panduan yang jelas dalam permasalahan kebersihan pakaian yang dibasuh dengan menggunakan mesin basuh bagi menghilangkan keraguan mereka terhadap permasalahan berkaitan.

Kata kunci: Kebersihan, Basuhan, Mesin, Dobi, Najis.

PENDAHULUAN

Kebersihan diri atau *taharah* adalah suatu tuntutan syarak bagi setiap individu muslim. Tuntutan tersebut berdasarkan nas al-Quran dan sunah Rasulullah SAW. Allah SWT menyatakan tentang kepentingan menjaga kebersihan rohani dan jasmani serta menyintai sekalian hambaNya yang sentiasa membersihkan jiwa mereka daripada pelbagai kotoran termasuk maksiat dan dosa. Ini bersandarkan maksud firman Allah SWT dalam Surah al-Baqarah ayat 125 yang bermaksud:

“Dan (ingatlah), ketika Kami menjadikan rumah itu (Baitullah) tempat berkumpul bagi manusia dan tempat yang aman. Dan jadikanlah sebahagian maqam Ibrahim akan tempat solat dan telah Kami perintahkan kepada Ibrahim dan Ismail: Bersihkanlah rumahKu untuk orang-orang yang tawaf, beriktikaf, rukuk dan sujud”.

Tuntutan kebersihan ini turut dinyatakan dalam hadis baginda Rasulullah SAW yang bermaksud: *“Nabi SAW bersabda mengenai darah haid yang terkena pakaian, dia (perempuan) perlu kikiskan kemudian disental dengan air, kemudian dibilas lalu digunakan untuk solat”* (Hadis. Al-Tirmidhi. Bab Ma Ja Fi Ghusl Dam al-Haidh. 138)

Demikian juga, dalam hadis lain yang bermaksud: *“Kencing kanak-kanak perempuan hendaklah dibasuh dan kencing kanak-kanak lelaki hendaklah dijirus”.* (Hadis. Abu Daud. Bab Baul al-Sabiy Yusibu al-Thaub. 376).

Bersandarkan dalil-dalil tersebut jelas menunjukkan bahawa air kencing, darah haid dan pelbagai kotoran adalah wajib dibersihkan kerana semua itu merupakan najis yang menghalang kesahihan ibadat solat. Di dalam melakukan *taharah*, air mutlak merupakan instrumen penyucian semua jenis kotoran dan benda-benda yang dihukumkan najis oleh syarak (Al-Nawawi, 2000). Fuqaha bersepakat bahawa penggunaan air mutlak adalah syarat sah untuk pembersihan pakaian daripada najis (Ibn 'Abidin, 2000; Al-Hattab, 1995; Al-Syarbini, 1994; Al-Buhuti, 1999). Mereka juga telah membahaskan kaedah dan cara pembersihan najis yang betul daripada pakaian.

Pada masa kini, penggunaan mesin basuh dan dobi merupakan satu kemudahan dalam membasuh pakaian kotor termasuk yang terkena najis. Meskipun mesin tersebut menggunakan air, namun teknik basuhan dengan kuantiti air yang sedikit menyebabkan berlaku pertikaian dalam kalangan sarjana hukum Islam masa kini mengenai status kebersihan pakaian bernajis dan pakaian yang bercampur dengannya. Pertikaian tersebut disebabkan kefahaman masing-masing terhadap amalan *taharah* yang dijelaskan dalam kitab-kitab fiqh mazhabi. Terdapat sebahagian yang menyatakan hukum pakaian tersebut bersih dan sebahagian lain pula menyatakan sebaliknya. Pandangan yang menolak kebersihan pakaian tersebut dengan berpandukan hujah yang merujuk kepada status percampuran air bersih kurang dua kolah dengan pakaian bernajis dan sama ada basuhan mesin tersebut dapat menghilangkan kesan najis seperti bau, warna dan rasa.

Terdapat kajian-kajian yang telah dijalankan dan menyentuh isu tersebut daripada pelbagai perspektif. Sebahagiannya dengan bersandarkan perbahasan fuqaha silam mengenai kaedah pembersihan dengan air dan syarat-syarat aplikasinya. Hukum pembersihan najis dibincangkan oleh Abd al-Hasib (2012) dengan membuat perbandingan antara empat mazhab tanpa menyentuh mengenai penggunaan mesin basuh. Jamal Salih (2001) membincangkan kaedah pembersihan melalui kaedah *istihalah* secara lebih luas. Setiap kaedah dianalisa berdasarkan teori yang dikemukakan oleh fuqaha klasik dan diaplikasikan dalam beberapa permasalahan termasuklah permasalahan moden, namun tidak disentuh secara terperinci isu kaedah penyucian menggunakan mesin basuh moden.

Al-Zuhayli (1989) turut memperincikan penggunaan mesin basuh dalam huraianya mengenai *taharah* berkaitan kaedah penyucian air atau pakaian yang terkena najis dengan melihat kepada pelbagai pandangan fuqaha silam dalam perkara tersebut. Al-Zuhayli menyatakan penggunaan mesin basuh moden adalah diharuskan. Di dalam satu kajian mengenai piawaian teknikal yang digunakan dalam kaedah penyucian moden Husam Ali (t.t) telah menganalisis kaedah dan syarat penyucian najis berdasarkan mazhab Hanafi dengan merumuskan bahawa penggunaan mesin basuh moden menepati parameter purifikasi yang telah ditetapkan fuqaha mazhab tersebut.

Kajian dijalankan oleh Rizuan Yahaya, Mohd. Huzari, Basri Ibrahim, Mohd Shahril, Noordin Asimi, Hasbullah Muhammad dan Soran Jalal (2013) telah meneliti proses basuhan mesin basuh dengan berlandaskan prinsip pembersihan yang diterima pakai dalam sektor perladangan. Berasaskan prinsip pembersihan untuk menghilangkan sifat toksin daripada '*food tuber*' *Dioscorea hispida* (ubi gadong) sebelum ianya boleh digunakan dengan selamat, maka prinsip tersebut telah diaplikasikan bagi proses pembersihan dan penyucian pakaian yang bernajis menggunakan mesin basuh. Teknologi tersebut menjadikan produk makanan yang dihasilkan selamat untuk digunakan. Jika penggunaan kaedah ini berkemampuan menghilangkan sifat toksin yang wujud dalam *D.hispida*, maka secara tidak langsung menunjukkan najis yang ada pada sesuatu pakaian boleh dihilangkan melalui proses basuhan mesin basuh untuk menjadikan pakaian tersebut suci.

Muhammad Hudzari Haji Razali, Syazili Roslan, Muhammad Rahimi Osman, Muhammad Shahril Othman, Zulfakar Aspar dan Engku Fadzli Hasan Syed Abdullah (2017) pula telah menghasilkan satu mesin basuh berbentuk prototaip yang diubah suai bagi memastikan aspek kebersihan dan kesucian sebagaimana yang digariskan oleh fuqaha. Berdasarkan kepada asas keperluan untuk mengalirkan air secara berterusan kepada sesuatu benda yang bernajis bagi menghilangkan sifat najis tersebut. Hasil kajian ini adalah satu alternatif tanpa menafikan mesin basuh sedia ada di pasaran.

lanya sebagai satu langkah untuk memperkenalkan amalan terbaik yang mematuhi syarak melalui teknik pengaliran air secara berterusan dalam proses mod bilasan yang serentak untuk tujuan pengeringan. Permasalahan yang dihadapi merupakan isu sejagat yang berlaku kepada umat Islam seluruh dunia yang telah mengundang pelbagai respon sama ada dalam bentuk fatwa dan pandangan hukum peribadi daripada institusi fatwa di peringkat tempatan dan juga antarabangsa di samping ilmuan yang menjadi rujukan orang ramai.

Antaranya Jabatan Mufti Wilayah Persekutuan, Darul Ifta' Mesir (2015) mengenai *taharat al-malabis al-najisah iza wudhi'at fi fi al-ghassalat al-utumatikiyyah*, Lajnah Al-Ifta, Darul Ifta' Jordan (2012) yang menjelaskannya mengenai *hukm al-ma' al-mutatayir min al-malabis al-najisah athna' ghasliha* dan juga Darul Ifta Birmingham (2011) berkenaan pakaian yang terkena najis 'aini jika basuh berulang kali dengan air mutlak dalam mesin basuh adalah bersih.

KAEDAH PEMBERSIHAN PAKAIAN BERNAJIS

Umat Islam bertanggungjawab memastikan kebersihan diri daripada pelbagai jenis najis sama ada najis berbentuk *hissi*, 'aini, *maknawi* dan *hukmi*. Al-Quran dan hadis menekankan kepentingan kebersihan pakaian sebagai satu pra syarat kesahihan ibadah solat. Kebersihan dianggap sempurna apabila tiga kesan najis seperti bau, rasa dan warna telah diyakini hilang sepenuhnya. Hukum najis 'aini dianggap hilang jika bentuk dan tiga kesan bau, rasa atau warna dapat dihapuskan dengan mudah (Al-Ansari, 2000).

Namun demikian, isu utama dalam penentuan kebersihan pakaian bernajis dengan menggunakan mesin basuh dan mesin dobi sama ada kaedah basuhan mesin tersebut menepati amalan taharah syarak dalam pembersihan najis 'aini atau *hukmi*. Sekiranya, kaedah basuhan seperti yang biasa dilakukan masa kini dipercayai sudah bersih sepenuhnya, maka isu-isu yang timbul bahawa basuhan mesin basuh atau mesin dobi tidak membersihkan, sepatutnya tidak dibangkitkan lagi.

Hukum Penggunaan Air Mutlaq

Fuqaha dalam pelbagai mazhab bersepakat bahawa air mutlaq adalah instrumen utama penyucian daripada kotoran dan perkara-perkara yang dihukumkan najis oleh syarak (Al-Nawawi, 2000). Mereka turut bersepakat bahawa penggunaan air mutlaq adalah syarat sah untuk pembersihan pakaian daripada najis (Ibn 'Abidin, 2000; Al-Hattab, 1995; Al-Syarbini, 1994; Al-Buhuti, 1999).

Kaedah penggunaan air adalah bergantung kepada kuantitinya sama ada banyak iaitu melebihi dua kolah atau pun sedikit iaitu kurang daripada jumlah tersebut. Berdasarkan praktis pembersihan najis dalam mazhab Syafi'i, jika air yang digunakan itu banyak seperti air sungai yang mengalir, kesan najis dihukum hilang jika direndam atau dicelup dalamnya dengan sekali celupan. Namun, jika kuantiti air adalah kurang terdapat beberapa perincian masalah yang perlu diperhatikan seperti berikut:

- i. Pembersihan najis *hukmi* memadai dengan cara menjiruskan air mutlak pada tempat (*mahal*) terkenanya najis pada pakaian tersebut jika ain dan juga kesan rasa, warna dan rasa pada pakaian itu telah dibersihkan (Al-Ramli, 2003). Praktis ini adalah berpandukan beberapa hadis antaranya yang bermaksud: “*Ummu Qays bint Mihsan membawa bayi lelaki kecilnya yang belum memakan makanan kepada Rasulullah, lalu dia kencing atas pakaian Baginda. Maka Baginda meminta air lalu menjiruskan ke atasnya (tempat terkena kencing) dan tidak membasuhnya*”. (Hadis Riwayat Bukhari dan Muslim)
- ii. Jika najis *aini*, wajib dihilangkan terlebih dahulu bentuk dan juga kesan rasanya walaupun sukar dihilangkan. Ini kerana kesan rasa yang berbaki, menunjukkan najis belum bersih sepenuhnya. Namun, dimaafkan jika salah satu daripada bau atau warna masih wujud jika ia sukar dihilangkan (Al-Ramli, 2003; Al-Haytami, 2016; Al-Ansari, 1997).
- iii. Bagi jumlah basuhan, jika najis *hukmiyyah* seperti air kencing yang telah kering dan tiada lagi kesannya seperti bau, maka memadai (wajib) dengan satu kali sahaja curahan atau basuhan air serta disunatkan membasuh dua atau tiga kali. Jika najis *aini*, maka mesti dihilangkan najis dan semua kesannya yang dapat dihilangkan dengan mudah (Al-Nawawi, 1991).
- iv. Jika kuantiti air adalah sedikit, maka ianya menjadi *mutanajjis* jika pakaian bernajis di masukkan ke dalamnya. Keadaan demikian menyebabkan pakaian tidak dianggap bersih kerana ciri kemutlakan air telah tercemar dengan najis. Air bernajis tidak dapat membersihkan kesan najis (Al-Ramli, 2003). Di dalam situasi ini, ulama Syafi’iyyah dan Hanabilah menyatakan pakaian tersebut tidak dihukumkan bersih meskipun proses penyucian berlaku beberapa kali. Namun pada pandangan Hanafiyyah, amalan tersebut dibolehkan dan pakaian dihukum bersih dengan syarat dicelup atau dibilas sebanyak tiga menggunakan air baru dan memerah pakaian tersebut selepas itu.
- v. Keadaan di atas berbeza jika air yang sedikit dicurahkan ke atas tempat terkena najis kerana ciri kebersihan (*tahuriyyah*) dan kemutlakan air masih kekal (Al-Ramli, 2000).
- vi. Status kebersihan sisa basuhan atau disebut *ghusalah* pula ditentukan berdasarkan perubahan sifatnya. Sekiranya, sisa berubah pada rasa, warna dan bau, ia dianggap *mutanajjis* dan tidak boleh digunakan lagi untuk basuhan yang lain. Tetapi jika didapati tiada sebarang perubahan, *ghusalah* masih dianggap bersih (Al-Haytami, 2016; Al-Ansari, 2000; Al-Kaf, 2003).

Penggunaan Bahan Pembersih Selain Air

Ulama fiqh berbeza pandangan mengenai keberkesanan pelbagai instrumen penyucian selain air seperti *istihalah*, pancaran matahari, pembakaran, seretan di atas tanah yang bersih dan lain-lain kaedah yang dapat menghilangkan kesan najis. Jumhur fuqaha Syafi’iyyah, Muhammad al-Hasan dan Zufar daripada Hanafiyyah mengemukakan pandangan bahawa hanya air boleh digunakan untuk tujuan tersebut serta amalan samak (*dibagh*) pada kulit dan perubahan (*istihalah*) arak kepada cuka yang terjadi dengan sendiri (Ibn Abidin, 2000; Al-Hattab, 1995; Al-Syarbini, 1994; Al-Buhuti, 1999).

Kebanyakan ulama Hanafiyyah (Ibn Abidin, 2000) dan Ibn Taimiyyah (2004) memperluaskan praktik penyucian ke atas setiap sesuatu yang berkesan membuang kesan najis dan kotoran adalah diterima sebagai *mutahhirat* yang sah. Mereka memperluaskan fungsi *istihalah* kepada keupayaan pancaran matahari, tanah, sabun dan semua bahan

pencuci yang mampu menghilangkan najis. Pandangan ini turut disandarkan kepada Imam Ahmad ibn Hanbal (Al-Mirdawi, 1998) dan ditarjihkan oleh Al-Syawkani.

Pandangan kedua pula adalah apabila sesuatu najis dapat dihilangkan dengan pelbagai cara maka hukum kenajisannya turut hilang. Ini kerana hukum berkait dengan '*illah*' yang akan hilang apabila '*illahnya*' telah tiada. Walau bagaimanapun, diharamkan menggunakan bahan makanan dan minuman untuk menghilangkan najis tanpa sebarang keperluan kerana perbuatan demikian termasuk perbuatan memusnahkan harta. Bahan-bahan tersebut juga haram dijadikan bahan untuk melakukan istinjak (Ibn Taymiyyah, 2004).

Pembersihan Najis Dengan Mesin Basuhan

Pada masa kini, penggunaan mesin basuhan merupakan kemudahan yang dimanfaatkan oleh semua pengguna termasuk umat Islam terutama mereka yang tinggal di kawasan bandar dan perumahan bertingkat yang berjauhan pula daripada sungai, laut, tasik dan sumber air. Mesin basuh sudah menjadi suatu keperluan asas di dalam rumah, selain dapat menjimatkan masa dan tenaga, berbanding basuhan tangan secara tradisional.

Teknologi basuhan yang dimanfaatkan sama ada di rumah atau pun di kedai dobi masih mengekalkan penggunaan air dalam proses cuciannya yang digunakan secara bersama dengan bahan pembersih serta bahan pelembut pakaian. Terdapat dua jenis mesin basuh automatik iaitu jenis dengan muatan atas dan jenis muatan hadapan. Mesin basuh muatan atas menempatkan pakaian yang dimuatkan melalui penutup di sebelah atas ke dalam tab yang disusun menegak serta mempunyai pemutar (*pulsator*) pada bahagian dasarnya. Penggunaan mesin basuh muatan atas ini amat popular di seluruh negara termasuk di Malaysia.

Semasa proses kitar cucian mesin basuh muatan atas ini berlaku, tab yang berisi pakaian diisi dengan air yang banyak untuk menyokong pakaian dan pergerakan pemutar menarik pakaian ke bahagian dasar tengah ke arah pemutar. Kemudian pakaian bergerak ke arah sisi tab dan proses berulang bagi arah putaran yang berlawanan sehinggalah masa cucian tamat. Selepas proses cucian tamat, sebahagian air dibuang dan pemutar memutar pakaian dalam sela masa yang sangat singkat bagi menyerakkan pakaian untuk menyeimbangkan muatan pakaian sebelum proses putaran kering perantara.

Proses seterusnya diulang bagi bilasan pertama dan terakhir, dan selepas kitar bilasan terakhir tamat, kitar putaran kering terakhir berlangsung selama lebih kurang enam (6) minit bagi mengeringkan pakaian sepenuhnya. Manakala, mesin basuh automatik jenis muatan hadapan pula pengguna perlu memasukkan pakaian ke dalam tab melalui pintu hadapan yang kedap air. Kesan sentalan bagi mesin basuh muatan hadapan ini dihasilkan melalui pergerakan tab serta tindakan graviti. Kaedah ini menyerupai kaedah cucian zaman dahulu iaitu menghempas pakaian ke atas batu. Pergerakan tab mengangkat pakaian ke bahagian atas tab sebelum pakaian jatuh semula ke dasar tab.

ANALISIS AWAL KEFAHAMAN MASYARAKAT

Satu kaji selidik telah dijalankan yang melibatkan seramai 362 orang responden dipilih secara rawak untuk mendapatkan gambaran awal kajian. Kaji selidik ini telah diedarkan melalui aplikasi media sosial dalam tempoh 2 minggu. Berpandukan soalan kaji selidik yang berbentuk soalan tertutup, hasil kaji selidik yang diperolehi telah dianalisis untuk melihat peratus dan min persetujuan responden terhadap soalan yang dikemukakan.

Responden yang terlibat dalam kajian ini hanya yang beragama Islam. Justeru, analisis kaji selidik tersebut tidak digunakan untuk menentukan kesucian pakaian yang

dibasuh melalui proses basuhan mesin basuh tetapi bertujuan mendapatkan gambaran awal persekitaran masyarakat Islam di Malaysia mengenai konsep *taharah* yang difahami oleh mereka. Soal selidik dalam bahagian ini terbahagi kepada empat bahagian iaitu:

- i. Bahagian A : Demografi Responden
- ii. Bahagian B : Pengetahuan Responden Mengenai Hukum Kebersihan Daripada Najis
- iii. Bahagian C : Amalan Responden Dalam Membersihkan Pakaian Bernajis
- iv. Bahagian D : Respons dan Reaksi Responden

Analisis Demografi Responden

Jadual 1: Demografi Responden Kajian

Umur	Bilangan	Peratus
Bawah 20 tahun	2	0.6
21 ke 30 tahun	53	14.6
31 ke 40 tahun	115	31.8
Lebih 41 tahun	192	53.0
Jantina	Bilangan	Peratus
Lelaki	207	57.2
Perempuan	155	42.8
Tempat Tinggal	Bilangan	Peratus
Bandar	260	71.8
Luar Bandar	102	28.2
Taraf Pendidikan	Bilangan	Peratus
Ijazah Tinggi	80	22.1
Sarjana Muda	205	56.6
Diploma setaraf	53	14.6
Menengah	23	6.4
Rendah	1	0.3
Sektor Pekerjaan	Bilangan	Peratus (%)
Kerajaan	227	62.7
Swasta	76	21.0
Sendiri	59	16.3
Status	Bilangan	Peratus (%)
Kahwin	311	85.9
Bujang	42	11.6
Duda janda	9	2.5
Bilangan Ahli Dalam Rumah	Bilangan	Peratus (%)
1 -3 orang	83	22.9
4 – 6 orang	228	63.0
Lebih 7 orang	51	14.1
Pekerjaan Pasangan	Bilangan	Peratus (%)
Bekerja	294	81.2
Suri rumah	68	18.8
Cara Pembasuhan Pakaian	Bilangan	Peratus (%)
Mesin Basuh	344	95.0
Dobi	15	4.2
Tangan	3	0.8
Jenis Mesin Basuh	Bilangan	Peratus (%)
Automatik	311	88.1
Semi automatik	42	11.9
Jenama Mesin Basuh	Bilangan	Peratus (%)
Toshiba	77	21.8
Sharp	29	8.2

Samsung	72	20.4
Electrolux	9	2.5
Lain-lain	166	47.0
Kekerapan Membasuh (Seminggu)	Bilangan	Peratus (%)
1 ke 2 kali	68	18.8
3 ke 4 kali	133	36.7
Melebihi 5 kali	161	44.5

Berdasarkan analisis data kajian daripada Jadual 1, dapat diperhatikan bahawa 57.2% responden adalah lelaki dan 42.8% adalah perempuan. Sebahagian besar daripada responden (53%) adalah berumur lebih daripada 41 tahun, 31.8% adalah responden yang berumur antara 31 ke 40 tahun dan 15.2% responden adalah di bawah 30 tahun. Majoriti responden (71.8%) yang terlibat adalah dari kawasan bandar. Selain daripada itu, data analisis menunjukkan sebahagian besar (56.6%) daripada responden mempunyai kelayakan sarjana muda, 14.6% berpendidikan diploma atau setaraf, 22.1% mempunyai ijazah tinggi, 6.4% mendapat pendidikan peringkat menengah sahaja dan 0.3% setakat pendidikan rendah. Ini menunjukkan bahawa sebahagian besar responden mempunyai tahap pendidikan yang tinggi iaitu sekurang-kurangnya berpendidikan ijazah sarjana muda. Dapatan kajian juga menunjukkan bahawa sebahagian besar responden (62.7%) berkhidmat di sektor awam, (21%) adalah responden yang bekerja di sektor swasta dan (16.3%) adalah yang bekerja sendiri.

Seterusnya, sebahagian besar responden juga adalah mereka yang telah berkahwin dengan (85.9%), (11.6%) bujang dan (2.5%) adalah responden berstatus duda atau janda. Data bagi bilangan ahli dalam keluarga terbesar seramai antara 4 ke 6 orang adalah (63%), (83%) dengan bilangan ahli keluarga antara 1 ke 3 orang dan (14.1%) melebihi 7 orang. Majoriti pasangan responden juga adalah mereka yang mempunyai pekerjaan dengan (81.2%) dan hanya (18.8%) sahaja yang tidak bekerja.

Hasil kaji selidik menunjukkan hampir keseluruhan responden menggunakan mesin basuh untuk membasuh pakaian (95%), (4.2%) responden yang menggunakan perkhidmatan dobi dan hanya (0.8%) masih menggunakan cara tradisional dengan basuhan tangan. Manakala, responden yang menggunakan mesin basuh automatik untuk membasuh pakaian seramai (88.1%) dan hanya (11.9%) menggunakan mesin basuh separuh automatik. Bagi data kekerapan membasuh dalam seminggu menunjukkan (44.5%) membasuh pakaian mereka melebihi 5 kali dalam seminggu, (36.7%) membasuh pakaian antara 3 ke 4 kali dan (18.8%) membasuh antara 1 ke 2 kali dalam seminggu.

Pengetahuan Responden Mengenai Hukum Kebersihan Daripada Najis

Di dalam bahagian ini, soal selidik terhadap pengetahuan responden mengenai hukum kebersihan daripada najis telah dijalankan. Secara umumnya, berdasarkan Jadual 2 menunjukkan sebahagian besar responden dengan kadar peratusan 94.2% (341) menyatakan bahawa menjadi suatu kewajipan kepada mereka untuk menjaga kebersihan diri daripada najis yang merupakan suatu tuntutan agama. Pengetahuan responden mengenai sumber pengetahuan hukum kebersihan daripada sumber pendidikan agama sebanyak 93.1% (337), buku 5.2% (19), keluarga 10.7% (37) dan capaian sumber internet 5.8% (21).

Jadual 2: Tahap Pengetahuan Responden Mengenai Hukum *Taharah*

Apakah tahap tuntutan menjaga kebersihan diri daripada najis sebagai suatu tuntutan agama?			
Wajib	Sunat muakkad	Mustahab	Harus

341 (94.2)	13 (3.6)	1 (0.3)	9 (2.5)
Sumber UTAMA pengetahuan tentang <i>taharah</i> dan najis			
Pendidikan agama	Buku	Keluarga	Internet
337 (93.1)	19 (5.2)	37 (10.2)	21 (5.8)

Seterusnya, Jadual 3 bagi dapatan berkaitan Pengetahuan Responden Mengenai Hukum *Taharah* dan Najis menunjukkan keseluruhan responden bersetuju dengan hukum menjaga kebersihan diri daripada najis adalah tuntutan agama. Dapatan juga menunjukkan sebahagian besar responden iaitu 89.8% (325) bersetuju telah mempelajari kaedah basuhan pakaian bernajis dengan betul berbanding 9.7% (35) responden tidak pasti dan 0.6% (2) tidak mengetahuinya. Bagi soalan yang berkaitan dengann kaedah basuhan mengikut fatwa mazhab Syafie, 77.1% (279) bersetuju basuhan mereka mematuhi kaedah basuhan mengikut mazhab tersebut manakala 22.1% (80) tidak pasti dan sebanyak 0.8% (3) tidak mengetahuinya. Pada masa sama, hampir separuh responden iaitu 49.2% (178) bersetuju turut beramal dengan hukum basuhan pakaian mengikut fatwa mazhab selain Syafi'i berbanding 21.2% responden (77) tetap beramal dengan fatwa mazhab Syafi'i dan 29.6% responden (107) lagi bersikap tidak pasti.

Selain itu, dalam bahagian ini juga, responden telah menunjukkan perbezaan jawapan terhadap beberapa persoalan hukum asas *taharah*. Bagi hukum pakaian terkena najis boleh dipakai bagi tujuan selain solat, 30.1% responden (109) berkeyakinan perbuatan tersebut adalah dibolehkan. Sementara separuh daripada mereka iaitu 52.3% (189) yakin akan perkara sebaliknya di samping 17.7% (64) lagi tidak pasti hukumnya. Pengetahuan mengenai kesan kotoran seperti daki, peluh dan kelembapan badan dianggap najis, menunjukkan 69.9% responden (253) menyatakan ia bukan najis, manakala 15% (54) lagi menyatakannya sebagai najis dan 15.5% (55) tidak pasti.

Persoalan berkaitan najis *'aini* yang merujuk kepada kesan najis yang tidak boleh dilihat dengan mata, 34.2% responden (124) memberikan jawapan yang salah dan hampir separuh iaitu 49.7% (180) memberikan jawapan betul serta 16% (58) lain tidak pasti dengan pilihan jawapan diberikan. Jawapan kepada soalan mengenai najis *mukhaffafah* iaitu najis ringan yang diberikan contoh darah kanak-kanak pula menunjukkan 42.6% (154) memberikan jawapan betul iaitu darah bukan najis *mukhaffafah* berbanding 37.8% (137) memberikan jawapan salah serta 19.6% (71) menyatakan tidak pasti.

Manakala, soalan kaji selidik berkaitan kesan air kencing yang kering pada pakaian dikategorikan sebagai najis hukmi, seramai 65.2% (236) responden memberikan jawapan yang betul. Sebanyak 8.8% (32) memberikan jawapan yang salah serta jawapan tidak pasti oleh responden agak ramai iaitu 26% (94). Persoalan mengenai unsur najis dianggap hilang selepas tiada lagi kesan bau, rasa dan warna merupakan pengetahuan asas dalam hukum *taharah*. Majoriti responden sebanyak 88.7% (321) memberikan jawapan yang betul berbanding 5.8% (21) memberikan jawapan salah dan 5.5% (20) lagi tidak pasti.

Akhir sekali, responden diuji dengan soalan agak sukar iaitu adakah darah pada pakaian yang telah dibasuh tetapi masih terdapat kesan warna yang sukar dihilangkan, dianggap tidak bersih. Separuh daripada bilangan responden iaitu 53.6% (194) memberikan jawapan dengan betul iaitu pakaian tersebut telah dianggap bersih, manakala 29.2% (106) lagi memberikan jawapan salah. Namun demikian, sebanyak 17.1% responden (62) menyatakan jawapan yang tidak pasti.

Jadual 3: Pengetahuan Responden Mengenai Hukum *Taharah* dan Najis

Item	Soalan	Sangat Tidak Setuju (%)	Tidak Setuju (%)	Tidak Pasti (%)	Setuju (%)	Sangat Setuju (%)
1	Anda bersetuju bahawa hukum menjaga kebersihan diri daripada najis adalah suatu tuntutan agama.	0	0	0	3 (0.8)	359 (99.2)
4	Anda mempelajari kaedah basuhan pakaian bernajis dengan betul sebelum ini.	0 (0)	0.6 (2)	9.7 (35)	33.4 (121)	56.4 (204)
5	Kaedah basuhan pakaian anda mengikut fatwa mazhab Syafi'i.	0	0.8 (3)	22.1 (80)	28.5 (103)	48.6 (176)
6	Anda turut mengikut fatwa mazhab selain Syafi'i dalam hukum pembersihan najis	13.5 (49)	7.7 (28)	29.6 (107)	24.9 (90)	24.3 (88)
7	Anda yakin setiap pakaian yang terkena najis boleh dipakai bagi tujuan selain solat.	39 (141)	13.3 (48)	17.7 (64)	18.2 (66)	11.9 (43)
8	Kotoran disebabkan kesan daki, peluh dan kelembapan badan juga dianggap najis yang perlu dicuci.	50 (181)	19.9 (72)	15.2 (55)	8.6 (31)	6.4 (23)
9	Najis ini merujuk kepada kesan najis yang tidak boleh dilihat dengan mata.	41.7 (151)	8 (29)	16 (58)	12.7 (46)	21.5 (78)
10	Anda yakin darah kanak-kanak termasuk dalam kategori najis mukhaffafah.	35.1 (127)	7.5 (27)	19.6 (71)	21.8 (79)	16 (58)
11	Kesan air kencing yang sudah kering pada pakaian dikategorikan sebagai najis hukmi.	4.4 (16)	4.4 (16)	26 (94)	23.8 (86)	41.4 (150)
12	Unsur najis dianggap hilang selepas tiada lagi kesan bau, rasa dan warna	2.5 (9)	3.3 (12)	5.5 (20)	13.3 (48)	75.4 (273)
13	Darah pada pakaian yang dibasuh tetapi masih terdapat kesan warna yang sukar dihilangkan, dianggap tidak bersih.	28.7 (104)	24.9 (90)	17.1 (62)	14.6 (53)	14.6 (53)

Amalan Responden Dalam Membersihkan Pakaian Bernajis

Jadual 4 menunjukkan Amalan Responden Dalam Membersihkan Pakaian Bernajis. Dapatan menunjukkan sebahagian besar responden iaitu 92.3% (334) bersetuju akan menghilangkan terlebih dahulu najis atau kotoran sebelum memulakan basuhan berbanding hanya 3.3% (12) responden sahaja yang tidak melakukannya. Majoriti responden tidak bersetuju dengan kenyataan bahawa mengasingkan pakaian bernajis dengan pakaian yang suci adalah sesuatu yang merumitkan berbanding hanya 34.3% (124) responden yang bersetuju dengan kenyataan tersebut.

Manakala, bagi kaedah cucian pula seramai 74.1% (268) menetapkan penggunaan kaedah basuhan secara mode basuhan (default) yang ditetapkan mesin basuh automatik dan hanya 13% (47) yang melakukan sebaliknya. Responden yang menggunakan bahan pencuci dalam setiap basuhan pula menunjukkan kadar peratus sebanyak 79% (286) berbanding yang tidak bersetuju menggunakan bahan pencuci dalam setiap basuhan iaitu 8.3% (30).

Seterusnya, bagi responden yang merasa yakin dengan kaedah basuhan mesin dobi menunjukkan kadar sebanyak 53.7% (186) berbanding yang tidak meyakini kaedah tersebut iaitu 16.5% (57). Responden yang tidak pasti pula seramai 29.8% (103). Sebanyak 80.9% (279) responden bersetuju dengan kenyataan bahawa mereka akan membasuh pakaian yang bernajis secara berasingan daripada pakaian lain berbanding hanya 9.9% (34) sahaja yang tidak bersetuju dengan kenyataan tersebut. Bagi kenyataan responden tidak was-was menggunakan mesin dobi yang digunakan juga oleh orang bukan Islam menunjukkan 39.5% (136) bersetuju dengannya. Peratusan yang tidak pasti juga agak tinggi iaitu 27.9% (96) dan yang masih berasa was-was sebanyak 32.5% (112).

Jadual 4: Amalan Responden Dalam Membersihkan Pakaian Najis

Soalan	Sangat Tidak Setuju (%)	Tidak Setuju (%)	Tidak Pasti (%)	Setuju (%)	Sangat Setuju (%)
Anda akan menghilangkan kesan kotoran / najis terlebih dahulu sebelum memulakan basuhan.	1.4 (5)	1.9 (7)	4.4 (16)	16.9 (61)	75.4 (273)
Anda bersetuju bahawa mengasingkan antara pakaian bernajis dengan tidak bernajis adalah merumitkan	35.1 (127)	18.8 (68)	11.9 (43)	15.5 (56)	18.8 (68)
Anda biasanya menggunakan mode basuhan (default) yang ditetapkan oleh mesin basuh automatik.	7.5 (27)	5.5 (20)	13 (47)	30.7 (111)	43.4 (157)
Anda akan menggunakan bahan pencuci / pelembut fabrik dalam setiap basuhan.	2.5 (9)	5.8 (21)	12.7 (46)	25.7 (93)	53.3 (193)
Anda berasa yakin dengan penggunaan mesin dobi.	5.8 (20)	10.7 (37)	29.8 (103)	31.2 (108)	22.5 (78)
Anda akan membasuh pakaian bernajis secara berasingan daripada pakaian lain.	3.8 (13)	6.1 (21)	9.3 (32)	16.8 (58)	64.1 (221)
Anda tidak berasa was-was jika menggunakan mesin dobi yang digunakan oleh orang bukan Islam.	20.6 (71)	11.9 (41)	27.9 (96)	21.8 (75)	17.7 (61)

Respon dan Reaksi Responden

Jadual 5 menunjukkan dapatan bagi Respon dan Reaksi Responden terhadap beberapa permasalahan yang timbul dari penggunaan mesin basuh dan dobi. Hampir semua responden bersetuju mereka pernah membaca atau mendengar polemik mengenai status kebersihan pakaian menggunakan mesin basuh dan dobi dengan peratus 78.7% (285), 16.6% (60) tidak pasti dan hanya 4.7% (17) tidak bersetuju dengan kenyataan tersebut. Bagi kenyataan keyakinan responden berkurangan selepas mendengar pandangan tertentu menyatakan basuhan mesin basuh tidak membersihkan pakaian menunjukkan peratus yang hampir sama iaitu 33.5% (121) responden bersetuju, 32.3% (117) tidak pasti dan 34.3% (124) tidak bersetuju.

Sehubungan itu, 33.4% (121) responden bersetuju polemik tersebut adalah sesuatu yang tidak signifikan pada kehidupan seharian, 32.3% (117) tidak pasti dan 34.3% (124) pula tidak bersetuju. Seterusnya, responden yang menganggap pandangan yang mempertikaikan kebersihan pakaian yang menggunakan mesin basuh dan dobi sebagai tidak relevan menunjukkan dapatan yang hampir sama iaitu bersetuju sebanyak 30.9% (112), tidak pasti 31.2% (113) dan 37.8% (137). Sebahagian besar responden dengan peratus 92.8% (336) bersetuju bahawa mesin basuh dan dobi adalah satu kemudahan dalam pembersihan pakaian.

Oleh yang demikian, kaji selidik menunjukkan hampir keseluruhan responden bersetuju dengan keperluan satu keputusan yang jelas mengenai penggunaan mesin basuh dan dobi iaitu 94.2% (341), 5% (18) tidak pasti dan hanya 0.9% (3) tidak bersetuju. Dapatan yang hampir sama ditunjukkan bagi satu keperluan menerbitkan garis panduan kaedah pembersihan menggunakan mesin basuh dan dobi iaitu 95.3% (345), 3.9% (14) tidak pasti dan 0.9% (3) tidak bersetuju.

Jadual 5: Respon dan Reaksi Responden

Soalan	Sangat Tidak Setuju (%)	Tidak Setuju (%)	Tidak Pasti (%)	Setuju (%)	Sangat Setuju (%)
Anda pernah membaca atau mendengar polemik mengenai status kebersihan pakaian menggunakan mesin basuh dan dobi	0.3 (1)	4.4 (16)	16.6 (60)	38.1 (138)	40.6 (147)
Keyakinan anda berkurang selepas	14.1	20.2	32.3	20.2	13.3

mendengar pandangan tertentu menyatakan basuhan mesin basuh tidak membersihkan pakaian.	(51)	(73)	(117)	(73)	(48)
Anda menganggap polemik tersebut suatu yang tidak signifikan pada kehidupan seharian.	15.7 (57)	18.5 (67)	32.3 (117)	21.5 (78)	11.9 (43)
Anda menganggap pandangan yang mempertikaikan kebersihan pakaian yang menggunakan mesin basuh dan dobi sebagai tidak relevan.	17.4 (63)	20.4 (74)	31.2 (113)	18.2 (66)	12.7 (46)
Anda menganggap mesin basuh dan dobi merupakan satu kemudahan dalam pembersihan pakaian.	0 (0)	0.8 (2)	6.4 (23)	35.6 (129)	57.2 (207)
Anda setuju perlunya sebuah keputusan hukum yang tuntas mengenai penggunaan mesin basuh dan dobi.	0.3 (1)	0.6 (2)	5 (18)	18.8 (68)	75.4 (273)
Anda bersetuju keperluan menerbitkan sebuah garis panduan kaedah pembersihan pakaian menggunakan mesin basuh dan dobi.	0.3 (1)	0.6 (2)	3.9 (14)	16.3 (59)	79 (286)

PENUTUP

Pemeliharaan kebersihan amat ditekankan dalam Islam kerana seseorang hamba perlu menjaga adab dengan Allah SWT yang sifatnya cantik (*jamil*) dan indah (*tayyib*). Kebersihan diri, pakaian dan semua lingkungan kehidupan bagi setiap individu muslim mencerminkan kesungguhan agama Islam menjamin kehidupan yang sihat dan jauh daripada penyakit yang berpunca daripada kotoran dan najis. Berpandukan kefahaman terhadap sumber al-Quran dan sunnah Nabi SAW, fuqaha khususnya Syafi'iyah telah memperincikan kaedah pembersihan najis menggunakan pelbagai instrumen khususnya air mutlak dan bahan-bahan lain yang diyakini membersihkan najis seperti sabun, serto, samak dan seumpamanya.

Kaedah yang disarankan adalah berdasarkan ijtihad dan kajian setempat pada zaman masing-masing dengan bersandarkan realiti keupayaan mengesan serta kemampuan menghilangkan tiga unsur najis iaitu bau, warna dan rasa. Islam merupakan agama yang bercirikan rahmah, mudah dan tidak membebankan umatnya dengan perkara-perkara yang tidak dapat ditentukan secara zahir.

Adalah suatu yang membebankan jika umat Islam terpaksa memastikan diri mereka bebas sepenuhnya daripada terkena unsur najis yang terlalu halus atau kecil seperti sisa molekul atau nukleus yang sukar diteropong. Ciri-ciri rahmah ini jelas dinyatakan dalam nas-nas di bawah sebagai satu mesej penting yang perlu dihayati bagi memastikan kelestarian hukum syarak pada sepanjang zaman.

Justeru, penggunaan mesin basuh atau apa sahaja alatan moden adalah suatu inovasi basuhan pakaian yang boleh dimanfaatkan oleh umat Islam untuk kemudahan beribadat kepada Allah SWT jika terbukti ia mampu membersihkan najis dan menghilangkan kekotoran. Islam tidak pernah bersikap skeptikal terhadap sebarang inovasi masyarakat bukan Islam dengan syarat tidak menyalahi prinsip-prinsip hukum syarak yang jelas.

Secara rumusannya, penelitian awal kajian ini menunjukkan bahawa hampir keseluruhan responden mengetahui hukum asas berkaitan *taharah*. Tetapi peratusan responden yang memahami hukum *taharah* secara lebih mendalam dan terperinci didapati agak sederhana berdasarkan pemilihan jawapan kepada beberapa item dalam bahagian 'Pengetahuan Responden Berkaitan Hukum *Taharah* dan Najis'.

Kebanyakan responden juga memilih kenyataan mempelajari hukum *taharah* berdasarkan fiqh mazhab Syafi'i, namun berdasarkan pemilihan item soalan hukum yang bersifat asas menunjukkan sebahagian responden memberikan jawapan tidak tepat. Ini juga memberikan gambaran bahawa hampir sebahagian responden tidak memahami konsep dan praktis *taharah* sepenuhnya.

RUJUKAN

- Abu Dawud, Sulayman ibn al-Asy'ath. 2009. Sunan Abi Daud: Dar al-Risalah al-'Alamiyyah
- al-Ansari, Zakariyya ibn Muhammad. 2000. *Asna al-Matalib fi Syarh Rawd al-Talib*. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.
- al-Bahuti, Mansur ibn Yunus. 2003. *Kashsyaf al-Qina 'an Matn al-Iqna'*. Riyadh: Dar Alam al-Kutub.
- al-Bujayrmi, Sulayman. (1995). *Tuhfat al-Habib 'ala Sharh al-Khatib*, Beirut: Dar al-Fikr.
- al-Hattab, Muhammad ibn Muhammad al-Ru'yani. (1995). *Mawahib al-Jalil fi Syarh Mukhtasar Khalil*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- al-Kaf, Hasan Ahmad Muhammad. (2003). *Al-Taqrirat al-Sadidah fi al-Masa'il al-Mufidah*. Tarim: Dar al-'Ilm wa al-Da'wah.
- al-Mirdawi, Ala' al-Din Abu Al-Hasan Ali ibn Sulayman. (1998). *Al-Insaf fi Ma'rifat al-Rajih min al-Khilaf 'ala Mazhab al-Imam Ahmad ibn Hanbal*. Beirut: Dar Ihya' al-Turath al-Arabi.
- al-Nawawi, Muhy al-Din ibn Syaraf. (1991). *Rawdhat al-Talibin wa Umdat al-Muftin*. Beirut: Al-Maktab Islami.
- al-Nawawi, Muhy al-Din ibn Syaraf. (t.t). *Al-Majmu' Syarh al-Muhazzab*. Beirut: Dar al-Fikr.
- al-Ramli, Syams al-Din Muhammad ibn Abi Al-'Abbas. (2003). *Nihayat al-Muhtaj ila Syarh al-Minhaj*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- al-Tirmidhi, Muhammad ibn Isa. (1998). Sunan al-Tirmidhi. Beirut: Dar al-Gharb al-Islamiy
- al-Zuhayli, Wahbah. (1989). *Al-Fiqh al-Islami wa Adillatuhu*. Dimashq: Dar al-Fikr.
- al-San'ani, Muhammad ibn Isma'il. (t.t.). *Subul al-Salam Syarh Bulugh al-Maram*. Kaherah: Dar al-Hadith.
- al-Syarbini, Syams al-Din Muhammad al-Khatib. (1994). *Mughniy al-Muhtaj Ila Ma'rifat Ma'aniy Alfaz al-Minhaj*. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.
- al-Syawkani, Muhammad Ibn Ali. (1993). *Nayl al-Awthar*. Kaherah: Dar al-Hadith.
- Ibn 'Abidin, Muhammad Amin ibn 'Umar. (2000). *Hasyiyyah Radd al-Mukhtar 'ala al-Durr al-Mukhtar*. Beirut: Dar al-Fikr.
- Ibn Taimiyyah, Ahmad ibn Abd al-Halim. (2004). *Majmu' Fatawa*. Tartib oleh 'Abd al-Rahman ibn Muhammad dan Muhammad ibn Abd al-Rahman. Madinah: Mujammak al-Malik Fahd li Tiba'ah al-Musyaf al-Syarif.

Internet

- Darul Ifta Birmingham. (2011). *Washing Clothes via Washing Machine*. <http://daruliftabirmingham.co.uk/washing-clothes-via-the-washing-machine/>. Diakses dari <http://daruliftabirmingham.co.uk> (Diakses pada April 15, 2019).
- Husam Ali Abdullah. (t.t.). *Al-Ma'ayir al-Tiqniyyah al-Muttaba'ah fi Wasa'il al-Tathir al-Hadith wa Mada Mura'atiha li al-Usus wa al-Dhawabit al-Syar'iyyah fi Dhaw' Ijtihadat al-Fiqh al-Hanafi*. <http://www.kantakji.com/hanafi-economy/>-المعايير التقنية-المتبعة-في-وسائل-التطهير-الحديثة-ومدى-مراعاتها-للأسس-والضوابط-الشرعية-في-ضوء-اجتهادات-الفقه-

الحنفي.aspx#_ftn4. Diakses dari <http://www.kantakji.com> (Diakses pada April 14, 2019)

Darul Ifta al-Misriyyah. (2014). *Taharah al-Malabis al-Najasah iza Wadha'at fi al-Ghusalat al-Utumatikiyyah*. <http://www.dar-alifta.gov.eg/ar/ViewResearch.aspx?sec=fatwa&ID=151>. Diakses dari <http://www.dar-alifta.gov.eg> (Diakses pada April 18, 2019)

Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan. (2016). *Menyucikan Pakaian Dengan Mesin Basuh*. Dari <http://www.muftiwp.gov.my/index.php/ms-my/perkhidmatan/al-kafili-al-fatawi/1197-al-kafi-311-menyucikan-pakaian-dengan-mesin-basuh>. <http://www.muftiwp.gov.my/> (Diakses pada April 15, 2019)

Jurnal

Muhammad Hudzari Haji Razali, Syazili Roslan, Muhammad Rahimi Osman, Muhammad Shahril Othman, Zulfakar Aspar and Engku Fadzli Hasan Syed Abdullah. (2017). Development of Intelligence Technique in Syariah Compliance Washing Machine via PLC. *J. Artif. Intel.*, 10 (2) : 49-58.

Rizuwan Yahaya, Mohd. Huzari Razali, Basri Ibrahim, Mohd Shahril Othman, Noordin Asimi Mohd Noor, Hasbullah Muhammad, dan Soran Jalal Abdullah. (2013). Conceptual instrumentation of washing machine for conformity to the Islamic laws of Syarak, *Scientific Journal of Review.*, 2 (6), 151-155.

Tesis

Jamal Salih Salim Ahmad 'Aql. (2001). *Wasa'il al-Tathir*. Diakses pada Oktober 12, 2017. Dari https://scholar.najah.edu/sites/default/files/all-thesis/methods_of_purification.pdf. Diakses dari <https://scholar.najah.edu>

Penafian

Pandangan yang dinyatakan dalam artikel ini adalah pandangan penulis. Jurnal Fiqhiyyat tidak akan bertanggungjawab atas apa-apa kerugian, kerosakan atau lain-lain liabiliti yang disebabkan oleh / timbul daripada penggunaan kandungan artikel ini.